

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha dan inisiatif yang diambil bagi meningkatkan peluang dan sokongan dalam industri kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan mahasiswa di universiti-universiti tempatan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Salah satu usaha dan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memastikan mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) turut diberi peluang dan sokongan untuk terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah melalui *Public-Private Research Network* atau, ringkasnya PPRN. PPRN merupakan inisiatif inovatif yang berkonsepkan model kerjasama antara syarikat dan akademia yang bertujuan untuk membantu meningkatkan tahap produktiviti syarikat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak industri melalui inovasi dan teknologi.

Bagi maksud ini, KPT sentiasa menggalakkan penyelidik melibatkan mahasiswa sebagai Pembantu Penyelidik atau, dengan izin, *Research Assistants* (RAs) bagi memberikan mereka peluang dan pengalaman

bekerjasama dengan industri dalam menyelesaikan masalah sebenar secara *hands-on*. Selain daripada mempunyai potensi untuk terus diambil bekerja oleh industri berkenaan, mahasiswa juga boleh menggunakan kemahiran dan pengalaman semasa terlibat dalam projek PPRN sebagai nilai tambah untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran dan daya saing mereka setelah bergraduasi kelak.

Sejak dilancarkan pada tahun 2015, sejumlah 608 projek telah diluluskan, dan 562 syarikat telah menerima geran padanan melalui inisiatif PPRN 1.0 yang berjumlah hampir RM22.9 juta (RM22,888,345.00). Bermula Oktober 2019, melalui PPRN 2.0, sebanyak 59 projek bernilai kira-kira RM4.6 juta (RM4,552,805.25) telah diluluskan melibatkan 59 buah syarikat dalam bidang pembuatan, pembinaan, pertanian, perkhidmatan serta perlombongan dan pengkuarian.

Penglibatan mahasiswa dalam projek PPRN merupakan usaha dan inisiatif yang unik kerana ia berpacukan permintaan industri. Pelaksanaan projek PPRN menghasilkan sinergi yang baik impak daripada gabungan idea dan minda yang padu, serta penggemblengan tenaga daripada pakar bidang, industri dan mahasiswa. Kolaborasi bagi menambah baik produk atau proses di syarikat yang terlibat dilihat berupaya meningkatkan produktiviti syarikat, termasuk menambah hasil jualan, mengurangkan tenaga kerja, menambah baik aspek kualiti produk atau proses, kebersihan, keselamatan dan sebagainya.

Kajian Impak Pelaksanaan PPRN yang dilaksanakan oleh *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) pada tahun 2019 menunjukkan bahawa secara puratanya, terdapat 30 peratus peningkatan produktiviti selepas pelaksanaan projek PPRN ini. Justeru, PPRN membuktikan kolaborasi antara industri dan akademik merupakan inisiatif menang-menang, yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada industri, tetapi juga kepada penyelidik termasuk pensyarah dan mahasiswa di IPT.

Sekian, terima kasih.